

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
(GERIK)**
PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian melihat penggunaan sistem CTOS dan CCRIS menyukarkan lagi di dalam urusan perniagaan kepada pembeli atau peminjam pinjaman di agensi-agensi kewangan. Adakah Kementerian bercadang menghapuskan sistem ini.

JAWAPAN

1. Untuk makluman Yang Berhormat, aktiviti pengumpulan dan penzahiran maklumat kredit oleh *Central Credit Reference*

Information System (“CCRIS”) dan CTOS Data Systems Sdn Bhd (“CTOS”) adalah dibenarkan berdasarkan Seksyen 47 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Seksyen 11 Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (“Akta 710”). CTOS telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan sebagai agensi pelaporan kredit (“APK”) sejak 15 April 2014.

2. Perkongsian maklumat kredit oleh CCRIS, CTOS dan APK lain dengan pemberi kredit seperti institusi kewangan dan perbankan dilihat sebagai satu bentuk “pemudahcara” dalam pemprosesan pinjaman yang efisien. Perkongsian maklumat ini bukan sahaja meningkatkan akses pelanggan kepada pinjaman, malah menurunkan kos pinjaman serta mewujudkan pengurusan risiko kredit yang efektif bagi pemberi kredit. Penilaian kredit yang dijalankan oleh pemberi kredit tidak tertumpu kepada laporan kredit sahaja, sebaliknya turut mengambil kira garis panduan dan skor kredit dalaman (*internal credit scoring*). Pemberi kredit menilai keseluruhan kedudukan kewangan pelanggan atas dasar kes-ke-kes (*case-by-case basis*). Secara amnya, penilaian untuk permohonan pinjaman adalah berdasarkan kriteria seperti sejarah kredit pelanggan, kestabilan dan tempoh pekerjaan/perniagaan, kelayakan serta reputasi pelanggan. Namun demikian, corak pembayaran balik yang tidak konsisten secara amnya

mempunyai impak negatif kepada permohonan pinjaman tersebut.

3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, maklumat yang dizahirkan di dalam laporan kredit CTOS diperolehi daripada sumber-sumber awam seperti surat khabar, warta Kerajaan serta carian maklumat di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (“JIM”). Ia merangkumi maklumat litigasi, maklumat bayaran bil telekomunikasi dan utiliti serta rujukan perdagangan (*trade reference*). Akta 710 di bawah Seksyen 25 mengehadkan tempoh penzahiran selama dua tahun berkenaan penyelesaian muktamad, tindakan litigasi serta pelepasan kebankrapan. CTOS turut terikat dengan Seksyen 29 Akta 710 yang menggariskan bahawa maklumat kredit yang dizahirkan haruslah tepat, terkini, lengkap, berkaitan dan tidak mengelirukan. Sebarang penzahiran laporan kredit kepada pemberi kredit atau pihak ketiga hanya boleh dilakukan selepas mendapat persetujuan pelanggan berdasarkan Seksyen 24 Akta 710.
4. Sehubungan dengan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan sistem perkongsian maklumat yang dijalankan oleh CCRIS, CTOS serta APK lain memandangkan perkhidmatan tersebut merupakan perkara utama (*core part*) bagi mewujudkan sistem kewangan yang stabil kerana infrastruktur

kewangan yang berkualiti dapat menentukan kecekapan perantaraan (*efficiency of intermediation*) khususnya dalam membuat penilaian kebolehpercayaan kredit pelanggan (*credit worthiness*). Namun demikian, pihak Kerajaan akan sentiasa membuat kajian dan langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi memberi perlindungan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang terlibat.